

## Sijil Takaful Empunya Rumah / Isi Rumah

**BAHAWASANYA** Peserta melalui Cadangan dan Perisytiharan yang mana hendaklah menjadi asas kepada Kontrak ini dan dianggap sebagai sebahagian daripada Sijil ini telah memohon kepada **ETIQA TAKAFUL BERHAD** (yang kemudian dirujuk sebagai "Pengendali Takaful") bagi Takaful yang terkandung selepas ini dan sebagai balasan pembayaran Sumbangan Pertama oleh Peserta kepada Pengendali Takaful.

**DENGAN INI SIJIL INI MEMPERSAKSIKAN** bahawa berhubung dengan kejadian yang berlaku dalam Tempoh Takaful dan tertakluk kepada had, pengecualian dan syarat yang terkandung dalam atau diendorkan ke atas Kontrak ini (selepas dari ini secara kolektif dirujuk sebagai Terma Sijil ini):

**PENGENDALI TAKAFUL** akan melalui bayaran atau atas pilihannya melalui pemulihan semula atau pembaikan, **MENGGANTI RUGI** Peserta terhadap kerugian dan kerosakan kepada harta dilindungi yang disebabkan oleh mana-mana Peril yang dinyatakan di bawah ini:

### Perils

1. **KEBAKARAN, KILAT, PETIR, KEBAKARAN BAWAH TANAH**
2. **LETUPAN**
3. **PESAWAT UDARA** dan peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya
4. **HENTAMAN** terhadap mana-mana bangunan oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau bukan di bawah kawalan Peserta atau mana-mana ahli keluarganya.
5. **PECAHNYA ATAU MELIMPAHNYA TANGKI , PERALATAN ATAU PAIP AIR RUMAH** tidak termasuk:-
  - (a) yang berhubung dengan setiap satu kerugian yang amaunnya dinyatakan dalam Jadual.
  - (b) kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika Rumah Kediaman Persendirian tersebut tidak dihuni.
6. **KECURIAN** tetapi jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaannya dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar.  
**DENGAN SYARAT** bahawa sekiranya Kediaman Persendirian ditinggalkan tanpa penghuni di dalamnya selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu Tempoh Takaful, perlindungan terhadap Peril ini hendaklah diberhentikan sementara keseluruhannya bagi mana-mana tempoh Kediaman Persendirian tersebut yang mungkin tidak dihuni melebihi sembilan puluh (90) hari yang dinyatakan di atas melainkan jika dipersetujui melalui Pengendorkan.
7. **HURIKAN, SIKLON, TAUFAN, RIBUT ANGIN** tertakluk kepada Fasal Lebihan yang berikut.
8. **GEMPA BUMI, LETUPAN GUNUNG BERAPI** tertakluk kepada Fasal Lebihan yang berikut.
9. **BANJIR** tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah; tertakluk kepada Fasal Lebihan yang berikut.

### Fasal Lebihan

Bagi kerugian atau kerosakan (selain daripada disebabkan kebakaran) terhadap Bangunan Rumah Kediaman Persendirian tetapi bukan Kandungannya yang secara langsung disebabkan oleh mana-mana Peril yang mana Fasal ini dinyatakan terdahulu daripada ini sebagai terpakai, liabiliti Pengendali Takaful hendaklah terhad kepada amaun mengikut perkadaran setimpal dengan kerugian atau kerosakan sedemikian yang melebihi amaun dinyatakan dalam **HAD LIABILITI**. Fasal ini hendaklah secara berasingan terpakai kepada:

- i) Setiap bangunan, yang bermaksud semua bangunan yang dilindungi di premis yang sama alamatnya dinyatakan dalam Jadual akan dianggap sebagai satu bangunan.
- ii) Setiap kejadian yang menimbulkan kerugian atau kerosakan sedemikian dan bagi maksud ini, sesuatu kejadian itu hendaklah tidak dianggap telah tamat sehingga telah bebas daripada Peril yang berkenaan selama tujuh (7) hari berturut-turut dan hanya selepas itu barulah Fasal tersebut terpakai semula.

### Seksyen I - Bangunan

Pengendali Takaful akan mengganti rugi Peserta terhadap kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh sebarang Peril yang disebut di atas terhadap Bangunan Rumah Kediaman Persendirian yang ungkapan tersebut hendaklah termasuk segala pejabat domestik, kandang kuda, garaj dan bangunan luar yang digunakan semata-mata yang berkaitan dengannya dan di atas premis yang sama termasuk lekapan dan lengkapan di dalamnya dan dinding, pintu pagar dan pagar sekeliling dan yang berkaitan dengannya.

Sijil-Sijil yang dikeluarkan bagi melindungi bangunan-bangunan, blok-blok rumah pangsa, rujukan di dalam Sijil ini kepada 'Rumah Kediaman Persendirian', hendaklah dianggap bermakna Rumah Pangsa persendirian atau Pangsapuri.

## Seksyen II – Kandungan-Kandungan:

- A. KERUGIAN ATAU KEROSAKAN KEPADA KANDUNGAN**
- Pengendali Takaful akan mengganti rugi Peserta terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana Peril yang disebutkan di atas terhadap Kandungan-Kandungan yang ungkapan tersebut hendaklah termasuk segala jenis barangan rumah dan barangan persendirian (melainkan seperti yang disebutkan selepas ini) yang merupakan harta Peserta atau mana-mana anggota keluarganya yang biasanya menghuni dengannya dan lekapan dan lengkapan yang dipunyai oleh Peserta atau yang Peserta bertanggungjawab terhadapnya di sisi undang-undang semasa ia terkandung di dalam Kediaman Persendirian tersebut yang ungkapan ini hendaklah termasuk Rumah Kediaman Persendirian, Rumah Pangsa atau Pangsapuri dan semua pejabat, kandang kuda, garaj dan bangunan-bangunan luar domestik yang digunakan semata-mata yang berkaitan dengannya dan di atas premis yang sama yang ditentukan di dalam Jadual.
- Dengan syarat bahawa:
- a) Tidak ada mana-mana bahagian pun daripada struktur, siling, kertas dinding atau yang seumpamanya dilindungi di bawah Seksyen ini.
  - b) Tidak ada satu barang pun (perabot, piano, organ, perkakas rumah, radio, set televisyen, set perakam video, kelengkapan Hi-Fi dan seumpamanya dikecualikan) hendaklah dianggap mempunyai nilai lebih besar daripada lima (5) peratus daripada Keseluruhan Jumlah Perlindungan ke atas Kandungan kecuali barang sedemikian telah secara khusus diisytiharkan sebagai butiran yang berasingan.
  - c) Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu pertiga daripada Keseluruhan Jumlah Perlindungan ke atas Kandungan.
  - d) Seksyen ini tidak melindungi harta yang khusus dilindungi, atau, kecuali dinyatakan secara khusus, suratikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, mata wang kertas, nota bank, manuskrip, medal dan duit syiling, kenderaan bermotor dan aksesori atau ternakan.
  - e) Seksyen ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan kepada kandungan disebabkan kecurian oleh orang gaji domestik Peserta atau mana-mana ahli keluarga atau penghuni rumah Peserta.
- B. HARTA YANG DIPINDAHKAN SEMENTARA**
- Seksyen ini diperluaskan, melainkan harta yang dipindahkan untuk jualan atau untuk pameran atau ke tempat simpanan perabot dan tertakluk dalam setiap perkara kepada Terma Sijil ini, untuk melindungi kandungan ketika dipindahkan sementara daripada Kediaman Persendirian tetapi masih dalam kawasan Geografi, terhadap semua Peril tetapi tidak termasuk Peril 7, 8 dan 9 berhubung dengan harta dalam transit atau pada seseorang, jika hanya harta sedemikian dilindungi. Liabiliti Pengendali Takaful di bawah peluasan ini akan dihadkan kepada 15% daripada Keseluruhan Jumlah Perlindungan ke atas Kandungan.
- C. KEROSAKAN KEPADA CERMIN**
- Pengendali Takaful akan mengganti rugi Peserta terhadap kerugian atau kerosakan kepada cermin, selain daripada cermin bimbis, dengan pecahnya cermin tersebut ketika di dalam Kediaman Persendirian. Liabiliti Pengendali Takaful di bawah peluasan ini adalah dihadkan kepada RM500.00 sekeping setiap kejadian.
- D. MANFAAT BAGI KEMATIAN PESERTA**
- Sekiranya berlaku kecederaan maut kepada Peserta dalam Rumah Kediaman Persendirian akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau Kebakaran, Pengendali Takaful akan membayar jumlah yang ditetapkan dalam HAD LIABILITI atau satu perdua daripada Keseluruhan Jumlah Perlindungan ke atas Kandungan mengikut mana yang kurang dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar selepas kecederaan sedemikian.
- Dengan ini disytiharkan dan dipersetujui bahawa jika lebih daripada satu (1) Peserta dinamakan di bawah Sijil ini, setiap Peserta yang dinamakan hendaklah bagi maksud Sijil ini, dianggap dilindungi terhadap kecederaan maut seperti yang diperuntukkan dan Pengendali Takaful hendaklah bertanggung jawab hanya pada satu kadar bahagian setimpal bagi manfaat yang sepatutnya dibayar.
- Adalah juga diisytiharkan dan dipersetujui bahawa jika Sijil tersebut dikeluarkan kepada satu Peserta badan korporat, semua manfaat di bawah Seksyen ini hendaklah terbatal kecuali Peserta menamakan seorang atau lebih dengan membuat Pengendorsan.
- Dengan syarat bahawa liabiliti Pengendali Takaful di bawah Seksyen ini pada mana-mana satu Tempoh Takaful adalah dihadkan kepada jumlah yang ditetapkan dalam Jadual atau satu perdua daripada Keseluruhan Jumlah Perlindungann ke atas Kandungan seperti yang dinyatakan sebelumnya.
- E. HARTA ORANG GAJI**
- Pengendali Takaful akan memberikan ganti rugi menerusi Peserta bagi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana Peril terhadap pakaian atau barang peribadi (selain wang tunai, mata wang kertas, nota bank dan setem) kepunyaan orang gaji Peserta, jika hanya harta sedemikian tidak dilindungi oleh Takaful/Insurans lain, ketika berada dalam Kediaman Persendirian atau mana-mana kediaman persendirian, rumah penginapan, rumah tumpangan, hotel atau inapan dalam Kawasan Geografi di mana orang gaji tersebut tinggal bersama dengan Peserta atau mana-mana anggota keluarganya yang biasanya tinggal bersama dengannya.

### Seksyen III – Kontigensi Lain:

#### A. KERUGIAN SEWA

Pengendali Takaful akan mengganti rugi Peserta bagi kerugian yang sebenarnya ditanggung oleh Peserta seperti disebutkan di bawah ini akibat premis yang dinyatakan dalam Jadual rosak hingga tidak boleh dihuni tetapi hanya bagi tempoh yang diperlukan bagi pengembalian semula dan tertakluk kepada suatu amaun yang tidak melebihi dalam agregat sepuluh (10) peratus daripada Keseluruhan Jumlah Perlindungan ke atas Bangunan dan/atau Kandungan atau sehingga had seperti yang diendorskan ke atasnya:

- (a) selaku Empunya tetapi bukan Penghuni premis tersebut, kerugian sewa; dan/atau
- (b) selaku Penghuni premis tersebut, perbelanjaan tambahan yang munasabah yang perlu ditanggung olehnya semasa di sesebuah hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan.

Jumlah amaun yang boleh didapatkan kembali di bawah Seksyen ini hendaklah sebagai tambahan kepada Keseluruhan Jumlah Perlindungan ke atas Bangunan dan/atau Kandungan, mengikut mana-mana satu Seksyen yang diterima pakai.

#### B. LIABILITI KEPADA AWAM

Pengendali Takaful akan mengganti rugi Peserta terhadap semua jumlah yang Peserta mungkin akan dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang:

##### a) Diterima pakai apabila Seksyen I - Bangunan Dilindungi

Selaku Empunya Rumah Kediaman Persendirian berhubung dengan kemalangan yang disebabkan oleh suatu kecacatan pada Bangunan Rumah Kediaman Persendirian tersebut atau pada lekapan dan lengkapan Tuan Rumah atau pada dinding, pintu pagar, pagar dan pokok di sekitarnya dan yang berkaitan dengannya.

##### b) Diterima pakai apabila Seksyen II - Kandungan Dilindungi

Selaku penghuni Rumah Kediaman Persendirian berhubung dengan kemalangan di dalam atau di sekitar Rumah Kediaman Persendirian tersebut.

Yang berlaku dalam Tempoh Takaful dan mengakibatkan:

- 1) Kecederaan anggota badan kepada mana-mana orang yang bukan merupakan ahli keluarga Peserta atau penghuni rumah dan tidak berkhidmat dengan Peserta pada masa mengalami kecederaan tersebut.
- 2) Kerosakan kepada harta yang bukan kepunyaan atau dalam jagaan atau bawah kawalan Peserta atau ahli keluarganya atau penghuni rumahnya atau orang yang berkhidmat dengannya.

Dengan syarat amaun yang perlu dibayar di bawah ini yang berkaitan dengan mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan yang dianggap sebagai satu kejadian hendaklah tidak dalam apa jua hal melebihi jumlah yang ditetapkan dalam Jadual tersebut.

Sebagai tambahan Pengendali Takaful akan mengganti rugi Peserta berkaitan dengan:

- a) Kos perundangan dan perbelanjaan yang boleh diperolehi semula daripada Peserta oleh mana-mana pihak menuntut dengan syarat kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung sebelum tarikh (jika ada) yang mana Pengendali Takaful sepatutnya telah membayar atau menawarkan untuk membayar sama ada amaun penuh tuntutan tersebut atau jumlah amaun yang boleh diperolehi semula yang berkaitan dengan mana-mana satu kejadian seperti yang disebut di atas ini;
- b) Kos perundangan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta dengan persetujuan Pengendali Takaful.

Juga dengan syarat Pengendali Takaful tidak akan bertanggung jawab dalam apa jua hal di bawah ini yang berkaitan dengan:

- i) Kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau sampingan kepada:
  - (a) profesion atau perniagaan Peserta, atau
  - (b) pemunyaan, pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Peserta akan sebarang lif, kenderaan atau kapal walau apapun jenisnya.
  - (c) menjalankan kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada premis yang dilindungi.
- ii) Liabiliti yang timbul daripada mana-mana kontrak ganti rugi yang dikenakan ke atas Peserta yang mana dengan ketiadaan kontrak tersebut Peserta tiada liabiliti.

Sekiranya berlaku kematian ke atas Peserta, Pengendali Takaful akan mengganti rugi wakil sah peribadi Peserta berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh Peserta mengikut dan tertakluk kepada had Seksyen ini dengan syarat bahawa wakil sah peribadi demikian hendaklah seolah-olah mereka adalah Peserta, mematuhi, memenuhi dan tertakluk kepada Terma Sijil ini setakat yang boleh diterima pakai.

Seksyen ini tidak boleh diterima pakai kepada mana-mana bahagian Rumah Kediaman Persendirian yang digunakan berkaitan dengan profesion Peserta ketika bahagian Rumah Kediaman Persendirian tersebut sedang digunakan sedemikian.

Bagi maksud Seksyen ini ungkapan "Peserta" hendaklah dianggap termasuk suami atau isteri Peserta.

### Pengecualian Am:

#### PERIL TERSINGKIR

1. Sijil ini tidak melindungi apa-apa kerugian, kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada mana-mana satu kejadian samada secara langsung atau tidak langsung seperti berikut:
  - a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
  - b) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan.
  - c) sebarang tindakan keganasan  
Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Berkenaan Seksyen I, IIA, IIB, IIC, IIE dan IIIA di sini:

Apa-apa kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada mana-mana satu kejadian tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung, hendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau suatu kontigensi yang tidak dilindungi oleh Takaful ini, melainkan Peserta hendaklah membuktikan kerugian, kerosakan atau kontigensi lain tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain apabila Pengendali Takaful mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan Pengecualian Am ini apa-apa kerugian, kerosakan atau kontigensi lain yang tidak dilindungi oleh Takaful ini, beban membuktikan kerugian, kerosakan atau kontigensi lain tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Peserta.

#### RISIKO TERSINGKIR

2. (i) (a) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pemberhentian kerja; atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan perintah Kerajaan *de jure* atau *de facto* atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan negara atau kawasan yang terletaknya harta tersebut; atau kepada harta melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan sendiri atau oleh sebab ia melalui apa-apa proses pemanasan atau pengeringan.  
(b) Kerugian, kerosakan atau kontigensi lain yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang merupakan akibat atau yang antaranya disebabkan oleh bahan senjata nuklear.
- (ii) Kerugian, kerosakan atau kontigensi lain yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi Pengecualian 2 (ii) ini sahaja pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.

#### KERUGIAN TURUTAN

3. Apa-apa jenis kerugian atau kerosakan turutan kecuali yang telah diperuntukkan di dalam Seksyen IIIA di sini.

#### PELUASAN PERIL

4. Berkenaan dengan bangunan sahaja:
  - (a) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada mana-mana bangunan semasa dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan kecuali semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain adalah lengkap dan dilindungi daripada Peril tersebut atau kepada cerobong asap logam, bidai kajang, papan tanda dan lekapan atau lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar.
  - (b) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali jika disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi.

## Syarat-Syarat Am:

- |  |  |
|--|--|
| <b>KONTRAK TAKAFUL</b>                 | 1. Sijil ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu Kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang makna khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadualnya hendaklah membawa makna khusus yang sedemikian apabila ia tercatat.  |
| <b>HAK</b>                             | 2. Kecuali dinyatakan dengan jelas, tidak ada apa pun yang terkandung di dalam Sijil ini boleh memberi sebarang hak terhadap Pengendali Takaful kepada mana-mana orang selain Peserta. Selanjutnya, Pengendali Takaful tidak boleh terikat dengan mana-mana pemindahan kepentingan Peserta selain atas sebab kematian atau penguatkuasaan undang-undang kecuali dan sehingga Pengendali Takaful melalui Pengendorsan mengisytiharkan Takaful tersebut diteruskan.  |
| <b>LIABILITI PIHAK KETIGA</b>          | 3. Peluasan liabiliti Pengendali Takaful yang berkaitan dengan harta mana-mana orang selain Peserta tidak memberi hak tuntutan di bawah ini kepada orang yang sedemikian. Peserta hendaklah dalam semua hal menuntut untuk dan bagi pihak orang sedemikian dan penerimaan oleh Peserta hendaklah dalam apa-apa hal secara mutlak melepaskan liabiliti Pengendali Takaful di bawah ini.   |
| <b>PENGINAPAN TETAMU</b>               | 4. Penyediaan penginapan tetamu berbayar, orang tumpangan atau penginap rumah penginapan tidak melebihi tiga (3) orang adalah dibenarkan tanpa prejudis kepada perlindungan yang diberikan di dalam Sijil ini dan bagi maksud Seksyen IIIB Sijil ini tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan sedemikian hendaklah dianggap sebagai ahli keluarga Peserta.   |
| <b>KESELURUHAN JUMLAH PERLINDUNGAN</b> | 5. Keseluruhan Jumlah Perlindungan yang diisytiharkan oleh Peserta mewakili tidak kurang daripada nilai penuh Bangunan dan/atau Kandungan yang dilindungi dan keseluruhan jumlah liabiliti Pengendali Takaful berhubung dengan kerugian atau kerosakan akibat daripada semua atau apa-apa Peril dalam mana-mana satu Tempoh Takaful hendaklah tidak melebihi amaun yang dinyatakan secara berasingan terhadap setiap butiran atau secara agregat Keseluruhan Jumlah Perlindungan yang ditetapkan dalam Jadual, atau jumlah lain tertentu yang boleh diganti dengannya melalui Memorandum ke atasnya atau dilampirkan kepadanya yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful.  |
| <b>PURATA</b>                          | 6. Jika harta yang dilindungi ini secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada Jumlah yang Perlindungan ke atasnya, maka pada ketika berlakunya apa-apa kerugian, Peserta hendaklah dianggap sebagai Pengendali Takafulnya sendiri bagi perbezaan tersebut, dan hendaklah menanggung pekadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Setiap butiran, jika lebih dari satu, daripada Sijil tersebut adalah secara berasingan tertakluk kepada Syarat ini.  |
| <b>CARUMAN</b>                         | 7. Jika ketika berlakunya apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dilindungi oleh Sijil ini terdapat Takaful/Insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti sedemikian atau mana-mana bahagian daripadanya, Pengendali Takaful tidak akan bertanggung jawab lebih daripada pekadaran setimpal.   |
| <b>LAIN-LAIN TAKAFUL / INSURANS</b>    | 8. Peserta hendaklah memberi notis kepada Pengendali Takaful apa-apa Takaful/Insurans yang berkuatkuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuatkuasakan, yang melindungi mana-mana harta yang dilindungi, dan kecuali notis sedemikian diberikan dan butir-butir Takaful/Insurans sedemikian dinyatakan atau diendorskan ke atas Sijil ini oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan, semua manfaat di bawah Sijil ini berkaitan harta yang dilindungi hendaklah dilucutkan   |
| <b>NOTIS PEMBERITAHUAN KEROSAKAN</b>   | 9. (a) Peserta hendaklah apabila berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi memberi notis dengan segera secara bertulis kepada Pengendali Takaful dan hendaklah atas perbelanjaan sendiri dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berlakunya kerugian atau kerosakan sedemikian menyerahkan kepada Pengendali Takaful suatu tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti yang mungkin munasabah diperlukan. Dalam hal kerugian atau kerosakan oleh sebab kecurian atau sebarang percubaannya pada harta tersebut dia hendaklah juga memberikan notis dengan segera kepada Polis.<br><br>(b) Jika Pengendali Takaful memilih untuk memulihkan semula mana-mana bangunan Peserta hendaklah menyediakan segala pelan, spesifikasi dan kuantiti berkenaan sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengendali Takaful.<br><br>(c) Peserta hendaklah apabila menerima notis tentang apa-apa kemalangan atau tuntutan yang timbul di bawah Seksyen IIIB memberi notis dengan segera secara bertulis kepada Pengendali Takaful dan seberapa segera yang boleh memberi butir penuh secara bertulis dan hendaklah menghantar kepada Pengendali Takaful apa-apa writ, saman atau lain-lain proses perundangan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap Peserta dan hendaklah memberikan segala maklumat dan bantuan yang perlu bagi membolehkan Pengendali Takaful menyelesaikan atau menghalang apa-apa tuntutan atau untuk memulakan prosiding. |

	(d) Apa-apa perbelanjaan untuk membaiki apa-apa kerosakan tidak boleh ditanggung oleh Peserta tanpa keizinan bertulis daripada Pengendali Takaful dan apa-apa tuntutan tidak boleh dirunding, dibayar, diselesai, diakui atau ditolak tanpa keizinan yang sama.
<b>HAK KEMASUKAN / TINDAKAN UNDANG-UNDANG</b>	10. Pengendali Takaful berhak: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Apabila berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi, untuk memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian atau kerosakan itu telah berlaku dan mengambil dan mengekal milik harta yang dilindungi itu dan menguruskan sisaan secara munasabah dan Sijil ini atau mana-mana salinannya yang diperakui oleh Pengendali Takaful hendaklah menjadi bukti kebenaran atau keizinan bagi tujuan sedemikian. Tidak ada harta yang boleh ditinggalkan kepada Pengendali Takaful.</li> <li>(b) Untuk mengakujajani atas nama dan bagi pihak Peserta pengendalian, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding secara mutlak dan untuk menjalankan prosiding atas perbelanjaan sendiri dan untuk manfaatnya sendiri tetapi atas nama Peserta untuk mendapatkan semula manfaat atau memperoleh ganti rugi daripada mana-mana pihak ketiga berhubung dengan apa jua yang dilindungi oleh Sijil ini.</li> </ul>
<b>PELUCUTAN HAK</b>	11. Jika mana-mana tuntutan dibuat di bawah Sijil ini terdapat penipuan dari mana-mana segi, atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Peserta atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan sebarang manfaat di bawah Sijil ini, semua manfaat di bawah Sijil ini hendaklah dilucut hak.
<b>PEMBATALAN</b>	12. Pengendali Takaful boleh memberikan notis tujuh (7) hari secara bertulis kepada Peserta di alamat terakhir yang diketahui untuk membatalkan Sijil tersebut, dan sumbangan hendaklah diselaraskan atas asas Pengendali Takaful menerima atau memegang sumbangan prorata bagi baki Tempoh Takaful bersama lebihan, jika ada. Sijil ini juga boleh dibatalkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta secara bertulis kepada Ibu Pejabat dan Pengendali Takaful akan mengembalikan sumbangan prorata di mana Peserta tidak membuat tuntutan dalam Tempoh Takaful dan layak mendapat kembali sumbangan bagi baki Tempoh Takaful bersama lebihan, jika ada.
<b>PENIMBANGTARAAN</b>	13. Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai amaun apa-apa kerugian atau kerosakan, pertelingkahan sedemikian hendaklah bebas daripada semua persoalan lain dirujukan kepada keputusan seorang Penimbang Tara, yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara, maka kepada keputusan dua orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbang Tara, yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa dua bulan kalendar selepas diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi. Sekiranya salah satu pihak enggan atau gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua bulan kalendar setelah menerima notis secara bertulis yang meminta satu perlantikan, pihak lagi satu adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal, dan sekiranya terdapat ketiadaan persetujuan antara Penimbang Tara, pertelingkahan tersebut hendaklah dirujuk untuk keputusan Wasit yang hendaklah dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum membuat rujukan, yang hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat tersebut. Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan hak atau kuasa Penimbang Tara atau Wasit, dan sekiranya berlaku kematian seseorang Penimbang Tara atau Wasit, seorang lagi hendaklah dalam setiap kes dilantik untuk menggantikannya oleh pihak tersebut atau Penimbang Tara (mengikut yang berkenaan) yang telah melantik Penimbang Tara atau Wasit yang mati itu. Kos rujukan dan award hendaklah atas budi bicara Penimbang Tara atau Wasit yang membuat award. Adalah dengan ini jelas dinyatakan dan diisytiharkan bahawa ianya hendaklah merupakan suatu syarat duluan terhadap apa jua hak tindakan atau guaman ke atas Sijil ini, bahawa award oleh Penimbang Tara atau Wasit mengenai amaun kerugian atau kerosakan jika dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
<b>KEWAJIPAN ATAU PERLINDUNGAN</b>	14. Peserta hendaklah menggunakan segala usaha dan kecermatan yang munasabah bagi menyelenggara premis tersebut dalam keadaan sewajarnya dan, sekiranya Peserta ialah Empunya rumah Kediaman Persendirian, jika ditemui sebarang kecacatan di dalamnya hendaklah membaiki pulih kecacatan sedemikian seberapa cepat yang boleh dan hendaklah pada masa yang sama mengambil langkah tambahan bagi mencegah kecederaan, kerugian atau kerosakan sebagaimana keadaan yang diperlukan dan Pengendali Takaful tidak akan bertanggung jawab bagi kecederaan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sesuatu kecacatan yang Peserta telah gagal memulihkannya setelah menerima notis tentang kecacatan sedemikian sama ada daripada Pengendali Takaful atau daripada mana-mana orang atau badan awam.
<b>FASAL PENGEMBALIAN SEMULA KEROSAKAN</b>	15. Sekiranya berlaku kerugian, Takaful di bawah ini hendaklah dkekalkan berkuatkuasa pada jumlah penuh yang dilindungi dan Peserta hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sumbangan tambahan pada kadar yang dinyatakan pada Sijil ke atas amaun kerugian berasaskan kiraan pro rata dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamatnya Tempoh Takaful

semasa.

## HARGA PASARAN

16. Jika berlaku suatu kerugian ke atas harta yang dilindungi dengan ini, pihak Pengendali Takaful hendaklah membayar pada nilai yang dilindungi atau pada nilai pasaran bagi harta yang dilindungi, yang mana lebih rendah, tertakluk kepada potongan ke atas apa-apa lebihan dan amaun yang mana Peserta dikehendaki menanggung di bawah Sijil ini.

Untuk tujuan syarat ini, terma 'Nilai Pasaran' hendaklah bermaksud nilai harta yang dengan ini dilindungi pada masa kerosakan atau kerugian tolak pertimbangan wajar kerana haus dan lusuh dan/atau susutnilai.

Nilai Pasaran harta yang dilindungi bagi tujuan Syarat ini hendaklah ditentukan dengan mendapatkan suatu penilaian oleh Pengendali Takaful daripada pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi kos untuk menggantikan atau mengembalikan/memulihkan semula, tertakluk kepada aplikasi susutnilai yang wajar, ke atas harta yang dilindungi rosak atau hilang kepada keadaan sediakala/asal pada masa berlakunya kerosakan atau kehilangan sedemikian.

Jika berlaku keadaan di mana, pada masa kerosakan atau kerugian tiada pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi harta yang dilindungi, penilaian hendaklah diperolehi daripada Ajuster Kerugian yang berlesen di bawah Akta Takaful 1984 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 dan yang dilantik secara bersama oleh kedua belah pihak. Penilaian bagi harta yang dilindungi oleh pembuat, ejen sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah, kontraktor bangunan, Ajuster Kerugian berlesen di bawah Akta Takaful 1984 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 hendaklah dijadikan bukti muktamad di dalam hal nilai pasaran bagi harta yang dilindungi dalam mana-mana prosiding guaman terhadap Pengendali Takaful tersebut.

### Had Liabiliti

- Pengendali Takaful tidak akan bertanggung jawab:
  - di bawah Peril 5 bagi RM50.00 yang pertama.
  - di bawah Peril 7, 8 dan 9, seperti yang diperuntukan dalam Fasal Lebihan, bagi satu (1) peratus yang pertama daripada Keseluruhan Jumlah Perlindungan ke atas Bangunan atau RM200.00, mengikut mana yang kurang.
- Had amaun bagi liabiliti Pengendali Takaful di bawah Seksyen IID: RM10,000 atau satu perdua daripada Keseluruhan Jumlah Perlindungan ke atas Kandungan, mengikut mana yang kurang.
- Had amaun bagi liabiliti Pengendali Takaful di bawah Seksyen IIIB: RM50,000 mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan yang membentuk satu peristiwa yang berhubung dengan Seksyen I - Bangunan dan Seksyen II - Kandungan, masing-masing bagi setiap seksyen.
- Kawasan Geografi: Malaysia.

### Lebihan

Lebihan ditentukan pada setiap penghujung tahun kewangan Pengendali Takaful setelah membuat potongan bagi upah *wakalah* (30%), bayaran Manfaat Takaful, Takaful Semula dan peruntukan rizab mengikut dasar yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Takaful Operator akan menerima 50% daripadanya sebagai insentif bagi menguruskan Dana Takaful Am. Sementara baki akan diperuntukkan bagi pengagihan kepada para Peserta tertakluk kepada peruntukan di dalam Sijil Takaful. Lebihan tidak akan dibayar sekiranya Peserta telah membuat tuntutan atau telah membatalkan Sijil ini.

## Waranti/Fasal/Pengendorsan Berikut Diterima Pakai Seperti Yang Dinyatakan Dalam Jadual

### **FASAL 1 PENERIMA GADAI JANJI (PEMEGANG GADAIAN)**

Kerugian, jika ada, dibayar ..... sebagai Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) di mana hak kepentingan mungkin wujud dalam takaful ini akan dibuat setakat kepentingan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) dan tidak akan terjejas atas perbuatan atau kecuaiannya Penggadai Janji (Penggadai) atau Empunya harta tersebut atau kecuaiannya Penggadai Janji (Penggadai) atau Empunya harta tersebut atau mana-mana perampasan atau prosiding lain atau notis penjualan harta tersebut atau penggunaan bangunan tersebut bagi tujuan yang lebih berbahaya daripada yang dibenarkan oleh Sijil ini, atau dalam keadaan ia tidak digunakan, atau apa-apa tambahan risiko yang berlaku terhadap harta yang dilindungi. Tertakluk bahawa sekiranya Penggadai Janji (Penggadai) atau Empunya harta gagal membayar apa-apa sumbangan takaful yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil ini, Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah atas permintaan membayarnya.

### **FASAL 2 PENERIMA GADAI JANJI (PEMEGANG GADAIAN)**

Adalah dipersetujui bahawa Takaful ini {atas kepentingan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian)} tidak terbatal oleh apa-apa perubahan dalam penggunaan atau peningkatan risiko ke atas harta yang dilindungi tanpa pengetahuan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) dengan syarat Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah memberi notis kepada Pengendali Takaful dan membayar sumbangan tambahan (jika ada) yang dikehendaki oleh Pengendali Takaful dari tarikh peningkatan risiko tersebut.

#### **Fasal Tidak Boleh Batal**

Dan seterusnya dipersetujui bahawa pembatalan Sijil ini tidak boleh dibuat oleh Pihak Dilindungi kecuali pemberitahuan terlebih dahulu kepada Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) secara bertulis memberi notis empat belas (14) hari kepada alamat Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) yang terakhir diketahui.

### **FASAL TAKAFUL BERSAMA DAN PENGENDALI TAKAFUL UTAMA**

Adalah diperakui dan dipersetujui walau apa pun yang terkandung dalam Sijil atau atas apa-apa Pengendorsan yang berlainan merujuk kepada "Pengendali Takaful" hendaklah dianggap bermaksud setiap Pengendali Takaful yang berikut bersetuju ke atas bahagian individu yang ditetapkan bahagiannya tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat di sini atau dilampirkan atau diendorskan keatasnya, semasa Tempoh Takaful yang dinyatakan didalam Jadual Peserta hendaklah mengalami kerugian atau kerosakan dalam kejadian yang dilindungi dibawah Sijil ini menganti rugi Pihak Dilindungi dalam bentuk yang di dalam Jadual.

Adalah diperakui dan dipersetujui walau apa pun bertentangan dengan apa yang terkandung, Pengendali Takaful Utama dibenarkan untuk menandatangani Sijil / Pengendorsan / Resit Pembaharuan.

Bagi semua maksud dan tujuan, Sijil ini hendaklah berkuatkuasa seolah-olah setiap satu Pengendali Takaful yang tercatat di atas telah mengeluarkan Sijil berasingan untuk bahagian individu ke atas Jumlah yang Dilindungi.

### **FASAL TAKAFUL LAIN**

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa Peserta dianggap telah mematuhi Syarat no. 3 Sijil ini dengan syarat dia telah mengisytiharkan kepada Pengendali Takaful jumlah amaun Takaful yang dikuat kuasakan dengan Pengendali Takaful lain ke atas harta yang dilindungi di sini.

### **FASAL MENAMBAH**

Sebagai balasan sumbangan tambahan sebanyak 50% daripada sumbangan yang dihasilkan dengan mengambil kira jumlah peratusan yang ditetapkan ke atas sumbangan pertama atau tahunan mengikut yang bersesuaian dengan butiran yang tersebut di bawah, Jumlah yang Dilindungi dengan ini hendaklah semasa Tempoh Takaful dinaikkan setiap hari sebanyak satu amaun yang merupakan 1/365 hari daripada jumlah peratusan kenaikan setahun yang ditetapkan.

Kecuali dipersetujui sebaliknya yang berlainan daripada peruntukan fasal ini hendaklah diterima pakai terhadap Jumlah Dilindungi yang berkuatkuasa pada permulaan setiap tempoh dilindungi.

Pada setiap tarikh pembaharuan Peserta hendaklah memaklumkan kepada Pengendali Takaful:

- (i) jumlah yang akan dilindungi untuk setiap butiran di atas, tetapi dengan ketiadaan arahan sedemikian Jumlah Dilindungi bagi setiap butiran di atas hendaklah bagi butiran yang dinyatakan dalam Sijil (sebagaimana dipinda oleh apa-apa Pengendorsan berkuatkuasa sebelum tarikh pembaharuan tersebut ) yang menjadi tambahan kepada kenaikan yang terakru di bawah fasal ini semasa dalam tempoh yang dilindungi sehingga tarikh pembaharuan; dan
- (ii) jumlah peratusan kenaikan yang ditetapkan bagi Tempoh Takaful berikutnya, tetapi dengan ketiadaan arahan sedemikian sebelum tarikh pembaharuan kenaikan peratusan yang sedia ada hendaklah diterima pakai bagi Tempoh Takaful dari tarikh pembaharuan.

Semua syarat Sijil kecuali yang telah disebutkan dengan nyata berlainan hendaklah diterima pakai seolah-olah ia telah dimasukkan dalam Sijil.

### **FASAL MENANGGUNG PERLINDUNGAN AUTOMATIK (Harta Lokasi Baru)**

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa apa-apa harta tambahan yang terletak di lokasi di Malaysia yang tidak dilindungi di bawah Sijil ini yang mungkin diperolehi oleh Pihak Dilindungi semasa berkuatkuasanya Sijil ini, diberi perlindungan secara automatic sehingga 10% daripada had Sijil atau RM1 juta atau yang mana lebih rendah dengan syarat Pihak Dilindungi hendaklah memberitahu Pengendali Takaful dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perolehan harta tersebut dan hendaklah membayar sumbangan



tambahan dari tarikh perolehan tersebut.

Selainnya tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat Sijil ini.

#### **FASAL NILAI PENGEMBALIAN SEMULA**

Walau apa pun yang berlainan yang terkandung di dalam Syarat 16, Sijil ini adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya harta yang dilindungi di bawah (butiran Nombor. ....) Sijil ini didapati musnah atau rosak, asas pengiraan amaun yang dibayar di bawah (setiap butiran yang dinyatakan) Sijil ini adalah dikira berdasarkan kos untuk mengganti dan membaik pulih di tapak bangunan yang sama bentuk atau jenis tetapi tidak melebihi atau lebih baik daripada biasa atau lebih luas daripada harta yang dilindungi ketika baru, tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan tertakluk juga terma dan syarat Sijil kecuali yang sama tetapi dengan cara ini berlainan.

#### **PERUNTUKAN KHAS**

1. Kerja mengganti atau membaik pulih (yang akan dilakukan ke atas tapak lain dan cara yang bersesuaian dengan keperluan Peserta tetapi tertakluk kepada liabiliti Pengendali Takaful yang tidak bertambah) mesti dimulakan dan dilaksanakan dengan segera secara munasabah dan dalam hal lain mesti diselesaikan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas kemusnahan atau kerosakan atau dalam tempoh tambahan Sarikat akan (dalam tempoh 12 bulan tersebut) secara bertulis membenarkan, sebaliknya tiada fi melebihi amaun yang mungkin dibayar di bawah Sijil ini jika Memorandum ini belum dimasukkan dengan ini telah dibuat.
2. Sehingga perbelanjaan telah dikenakan oleh Peserta untuk mengganti atau membaik pulih harta yang musnah dan rosak Pengendali Takaful tidak akan bertanggung jawab ke atas apa-apa fi/yuran yang melebihi amaun yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil ini jika Memorandum tidak dimasukkan dengan ini.
3. Jika sewaktu penggantian atau membaik pulih jumlah yang mewakili kos yang mungkin dikenakan untuk mengganti atau membaik pulih jika keseluruhan harta yang dilindungi telah musnah melebihi Jumlah yang Dilindungi tersebut ketika berlakunya kebakaran atau pada permulaan mana-mana kemusnahan atau kerosakan pada harta oleh sebab peril lain yang dilindungi di bawah Sijil ini, maka Peserta hendaklah dianggap sebagai Pengendali Takaful sendiri bagi jumlah yang berlebihan dan akan menanggung pekadaran setimpal bagi kerugian sepatutnya. Setiap butiran di dalam Sijil ini (jika melebihi daripada satu) Memorandum ini hendaklah diterima pakai secara berasingan tetapi tertakluk pada peruntukan sebelumnya.
4. Memorandum ini tidak akan berkuat kuasa atau berkesan jika:
  - (a) Peserta gagal untuk memberitahu kepada Pengendali Takaful dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemusnahan atau kerosakan, atau tempoh tambahan seperti yang dipersetujui oleh Pengendali Takaful secara bertulis membenarkan, tujuan beliau untuk mengganti atau membaik pulih harta yang musnah atau rosak.
  - (b) Peserta tidak berupaya atau tidak mahu mengganti atau membaik pulih harta yang musnah atau rosak di atas tapak yang sama atau di tempat lain.
5. Tiada bayaran boleh dibuat melebihi amaun yang perlu dibayar di bawah Sijil ini jika Memorandum ini tidak dimasukkan di sini jika sewaktu berlakunya mana-mana kemusnahan atau kerosakan terhadap mana-mana harta yang dilindungi di bawah ini, harta tersebut hendaklah dilindungi oleh mana-mana Takaful lain yang dikuatkuasa oleh atau bagi Peserta yang tidak serupa dengan asas baik pulih yang sama yang ditetapkan di sini.

#### **FASAL PASANGAN DAN SET**

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa walau apapun terkandung bertentangan di dalam Sijil ini, mana-mana butiran yang dilindungi mengandungi barangan berpasangan atau set, Pengendali Takaful tidak akan bertanggung jawab untuk membayar lebih daripada nilai perkadaran setimpal mana-mana bahagian tertentu yang mungkin hilang, tanpa mengambil kira mana-mana nilai khas yang barangan tersebut mungkin ada sebagai sebahagian daripada pasangan atau set tersebut.

Selainnya tertakluk kepada terma pengecualian dan syarat Sijil ini.

#### **FASAL PEMBAHARUAN AUTOMATIK**

Sijil ini dianggap diperbaharui secara automatik dan sumbangan sewajarnya dikenakan ketika tamatnya Sijil kecuali diberitahu sebaliknya.

#### **FASAL PEMINDAHAN DALAMAN**

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku pemindahan harta dari satu bangunan ke tempat yang lain di mana-mana lokasi yang dinyatakan dan secara tidak sengaja tidak memberitahu Pengendali Takaful perlindungan ke atas harta tersebut akan diteruskan sewaktu pemindahan, pelarasan sewajarnya ke atas Jumlah Perlindungan dan sumbangan yang sepatutnya dibayar bermula dari tarikh pemindahan sebaik saja kesilapan tersebut diketahui.

#### **FASAL PEMINDAHAN SEMENTARA**

##### **( Untuk Kandungan Di Dalam Rumah Kediaman Persendirian)**

Harta yang dilindungi di bawah (butiran....) yang terdapat di dalam Sijil adalah dilindungi ketika dipindahkan sementara termasuk ketika di dalam transit tetapi masih berada di dalam Malaysia, Republik Singapura dan Brunei Darussalam untuk jumlah tidak melebihi 15% dari Jumlah Keseluruhan yang Dilindungi di bawah (setiap satu butiran daripada) Sijil ini.

Amaun yang boleh diperolehi semula di bawah peluasan ini terhadap (setiap satu butiran daripada) Sijil ini tidak boleh melebihi amaun yang mungkin boleh diperolehi semula sekiranya kerugian berlaku di premis yang mana harta telah dipindahkan untuk sementara.

Peluasan ini tidak boleh diterima pakai ke atas harta sekiranya ia dilindungi oleh Takaful/Insurans lain atau harta dipindahkan untuk jualan atau pameran atau ke tempat simpanan perabot.

#### **FASAL PENGECEUALIAN ASBESTOS**

Sijil ini tidak memasukkan kesemua tuntutan dan kerugian berdasarkan, timbul daripada, secara langsung atau tidak langsung akibat daripada atau konsekuensi atau apa-apa cara membabitkan/melibatkan:

1. asbestos; atau
2. asbestos sebenar atau tuduhan/pernyataan mengenai asbestos yang melibatkan kecederaan atau kerosakan yang melibatkan penggunaan, kehadiran, kemunculan, pengesanan, pemindahan, pembuangan atau pengelakan asbestos atau pendedahan atau potensi pendedahan kepada asbestos.

#### **FASAL PENGECEUALIAN RADIOAKTIF / RISIKO TENAGA NUKLEAR**

Takaful ini tidak melindungi apa-apa unsur kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang berkait dengan mana-mana yang berikut walau apapun sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau dalam mana-mana urutan lain ke atas kerugian itu:

1. pancaran pengionan daripada atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear.
2. radioaktif, toksid, letupan atau lain-lain harta dari mana-mana pemasangan nuklear yang berbahaya atau mencemarkan, reaktor atau lain-lain pemasangan komponen nuklear seumpamanya.
3. apa-apa senjata peperangan menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/atau lakuran (fussion) atau apa-apa reaksi serupa atau kuasa atau jisim radioaktif.

#### **FASAL PENILAIAN**

Jika tuntutan secara agregat untuk mana-mana satu kerugian tidak melebihi RM5,000 atau 5% daripada Jumlah yang Dilindungi yang mana amaunnya lebih rendah mengikut butiran yang berkenaan tidak ada inventori khas atau penilaian harta yang tidak rosak diperlukan.

Jika dua atau lebih bangunan disertakan sebagai satu butiran, proviso ini hendaklah diterima pakai kepada semua jenis bangunan dan/atau kandungan mengikut butiran yang berkenaan.

#### **FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA**

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Sijil ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal ke atas jirim harta.

Kerosakan fizikal ke atas jirim harta hendaklah tidak termasuk kerosakan ke atas data atau perisian, terutama sekali apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kecemaran atau kecacatan bentuk asal.

Oleh kerana itu perkara berikut tidak termasuk dalam Sijil ini:

- A. Kerugian atau kerosakan ke atas data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kecemaran atau kecacatan bentuk asal, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian.
- B. Walau bagaimanapun pengecualian ini, kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, yang diakibatkan secara langsung oleh kerosakan fizikal yang dilindungi ke atas jirim harta, hendaklah dilindungi.

#### **FASAL PENGECEUALIAN RADIOAKTIF / RISIKO TENAGA NUKLEAR**

Takaful ini tidak melindungi apa-apa unsur kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang berkait dengan mana-mana yang berikut walau apapun sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau dalam mana-mana urutan lain ke atas kerugian itu:

1. pancaran pengionan daripada atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear.
2. radioaktif, toksid, letupan atau lain-lain harta dari mana-mana pemasangan nuklear yang berbahaya atau mencemarkan, reaktor atau lain-lain pemasangan komponen nuklear seumpamanya.
3. apa-apa senjata peperangan menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/atau lakuran (fussion) atau apa-apa reaksi serupa atau kuasa atau jisim radioaktif.

#### **FASAL PENJENISAN**

Bagi tujuan untuk menentukan jika perlu butiran (tajuk ruang) di bawah mana-mana harta dilindungi, Pengendali Takaful bersetuju untuk menerima penjenisan harta sedemikian yang tercatat dalam buku Pihak dilindungi.

#### **FASAL TAMBAHAN MODAL**

(Tidak diterima pakai terhadap stok dagangan atau niaga mahupun Keseluruhan Jumlah Dilindungi kurang daripada RM1,500,000).

Takaful ini diperluaskan untuk melindungi pengubahsuaian, tambahan dan pengembalian semula (tetapi bukan kenaikan nilai melebihi daripada Jumlah Perlindungan) terhadap harta yang tercatat dalam Sijil ini untuk amaun tidak melebihi 10% bagi setiap butiran daripada Jumlah Perlindungan atau RM1,000,000 setiap lokasi mengikut mana yang lebih rendah.

Pihak dilindungi berjanji untuk memberitahu Pengendali Takaful setiap tiga (3) bulan bila berlaku pengubahsuaian, tambahan dan pengembalian semula sedemikian dan dikehendaki membayar sumbangan tambahan sewajarnya.

Fasal ini tidak berkuat kuasa jika perisytiharan terhadap pengubahsuaian, tambahan dan pengembalian semula tidak diterima oleh Pengendali Takaful dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pengubahsuaian, tambahan dan pengembalian semula tersebut.

Bagi maksud Fasal ini, tarikh perisytiharan yang diterima oleh Pengendali Takaful hendaklah dianggap sebagai tarikh bermulanya Waranti Sumbangan.

**Nota:** Sekiranya terdapat lebih daripada satu lokasi, maka had boleh dinaikkan sehingga RM2,000,000, amaun ini menjadi had agregat untuk semua lokasi.

#### **FI / YURAN AKITEK, PENYELARAS, JURUTERA DAN PERUNDING (Jumlah Dilindungi yang Berasingan)**

Takaful bagi butiran ini yang merujuk kepada fi Akitek, Penyelaras dan Jurutera perunding untuk anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang sepatutnya dikenakan di dalam pengembalian semula harta yang dilindungi yang disebabkan oleh kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau peril lain yang dilindungi tetapi bukan fi persediaan untuk membuat tuntutan di bawah ini. Amaun berbayar untuk fi sedemikian hendaklah tidak melebihi jumlah yang dibenarkan di bawah skala Persatuan bidang berkenaan yang lazim ketika berlakunya kemusnahan atau kerosakan, tertakluk kepada had jumlah yang dilindungi kepada butiran tersebut.

#### **FI / YURAN AKITEK, PENYELARAS, JURUTERA DAN PERUNDING (Jumlah Dilindungi yang Tidak Berasingan)**

Takaful bagi bangunan, loji dan mesin yang dilindungi termasuklah fi Akitek, Penyelaras dan Jurutera perunding untuk anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang sepatutnya dikenakan di dalam pengembalian semula harta yang dilindungi yang disebabkan oleh kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau peril lain yang dilindungi tetapi bukan fi persediaan untuk membuat tuntutan di bawah ini. Amaun berbayar untuk fi sedemikian hendaklah tidak melebihi jumlah yang dibenarkan di bawah skala Persatuan bidang berkenaan yang lazim ketika berlakunya kemusnahan atau kerosakan, tertakluk kepada had jumlah liabiliti maksimum Pengendali Takaful untuk apa-apa kerugian kerosakan dan tanggung rugi tidak melebihi jumlah yang dilindungi bagi setiap butiran.

Tertakluk juga bahawa Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) akan memberitahu Pengendali Takaful jika harta yang dilindungi tidak didiami atau apa-apa penukaran hak milik atau penggunaan atau bertambahnya bahaya yang telah sampai kepada pengetahuan Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) kecuali ianya dibenarkan dan dicatat di dalam Sijil ini dan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah atas permintaan membayar sumbangan untuk penambahan bahaya tersebut jika tidak Sijil ini akan dianggap batal dan tidak sah.

Dan seterusnya dipersetujui bahawa apabila Pengendali Takaful membayar penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) tersebut apa-apa jumlah yang berhubung dengan kerugian atau kerosakan di bawah Sijil ini dan menganggap tiada lagi liabiliti yang wujud ke atas Pengadai Janji (Penggadai) atau Empunya harta, Pengendali Takaful berhak di bawah undang-undang ke atas semua hak gadaian setakat had bayaran tersebut dan tidak sehingga merosakkan hak Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) untuk memperoleh kembali jumlah penuh apa-apa tuntutan yang mungkin ada pada Pengadai Janji (Penggadai) tersebut Empunya harta atau mana-mana Peserta di bawah ini atau daripada mana-mana sekuriti atau dana yang ada.

#### **PENGECUALIAN TAPAK BANGUNAN (ATAS)**

Takaful ke atas bangunan tidak termasuk mana-mana bahagian yang lebih rendah daripada permukaan atas tingkat terbawah sekali (dan bahagian tapak konkrit untuk alatan mesin yang mengatasi paras sedemikian).

#### **PENGECUALIAN TAPAK BANGUNAN (BAWAH)**

Takaful ke atas bangunan tidak termasuk mana-mana bahagian yang lebih rendah daripada permukaan bawah tingkat terbawah sekali (dan bahagian tapak konkrit untuk alatan mesin yang mengatasi paras sedemikian).

#### **PENGEMBALIAN SEMULA MENGIKUT KEPERLUAN PIHAK BERKUASA**

Walau apa pun yang berlainan yang terkandung di dalam Syarat 17 Sijil ini, adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Takaful ke atas Sijil ini merangkumi kos tambahan pengembalian semula harta dilindungi yang musnah atau rosak yang ditanggung hanya atas sebab keperluan untuk mematuhi Peraturan Bangunan atau lain-lain di bawah atau dirangka mengikut mana-mana Akta Kerajaan atau Undang-undang Kecil mana-mana Majlis atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan syarat:

1. Amaun yang boleh dituntut semula di bawah Perluasan ini tidak termasuk:
  - (a) kos yang ditanggung dalam mematuhi mana-mana Peraturan atau Undang-undang Kecil yang disebut di atas:
    - (i) terhadap kemusnahan atau kerosakan yang berlaku sebelum pemberian perluasan ini,
    - (ii) terhadap kemusnahan atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil ini,
    - (iii) notis yang telah dikeluarkan ke atas Peserta sebelum berlakunya kemusnahan atau kerosakan,
    - (iv) terhadap harta yang tidak rosak atau bahagian harta yang tidak rosak.
  - (b) Kos tambahan yang sepatutnya diperlukan untuk memperbaiki harta yang rosak atau musnah kepada keadaan yang sama dengan keadaan semasa baru sekiranya keperluan untuk mematuhi mana-mana Peraturan atau Undang-undang Kecil tidak timbul;

- (c) Jumlah mana-mana kadar, cukai, duti, pembangunan atau lain-lain caj atau penilaian yang timbul dari peningkatan modal yang mungkin perlu dibayar terhadap harta atau oleh empunya disebabkan pematuhan mana-mana Peraturan atau Undang-undang Kecil.
2. Kerja-kerja pengembalian semula mesti dimulakan dan dilaksanakan dengan secepat mungkin dan dalam mana-mana hal mesti disiapkan dalam masa dua belas bulan (12) selepas kemusnahan atau dalam masa lanjutan yang Pengendali Takaful mungkin (dalam jangka waktu 12 bulan tersebut) membenarkan secara bertulis dan boleh dilaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian di tapak lain (sekiranya diperlukan Peraturan atau Undang-undang Kecil yang disebut di atas) tertakluk kepada liabiliti Pengendali Takaful di bawah perluasan ini tidak akan bertambah.
  3. Jika liabiliti Pengendali Takaful di bawah (mana-mana Butiran) Sijil selain daripada perluasan ini dikurangkan melalui penggunaan mana-mana terma dan syarat Sijil maka liabiliti Pengendali Takaful di bawah perluasan ini (terhadap mana-mana butiran) hendaklah dikurangkan dengan sewajarnya.
  4. Jumlah amaun yang boleh dituntut di bawah mana-mana butiran Sijil tidak boleh melebihi Jumlah yang Dilindungi.
  5. Kesemua syarat Sijil ini kecuali setakat yang berlainan hendaklah diterima pakai sebagaimana ia telah dimasukkan di sini.

#### **PENGENALPASTIAN TARIKH (TIDAK TERMASUK FASAL KEKECUALIAN)**

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa Sijil ini telah dipinda seperti berikut:

- A. Pengendali Takaful tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakkan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, media mikrocip, sistem operasi, mikropemroses (cip komputer), sirkit integrasi atau peranti serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Peserta atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:
  1. mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar;
  2. merakam, menyimpan, mengekalkan dan/atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dari mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalendar sebenar dan/atau;
  3. merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dari operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
- B. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Pengendali Takaful tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peranti dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam A di atas.
- C. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Pengendali Takaful tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakkan termasuk hilang keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh Peserta atau untuk Peserta atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Pengendali Takaful tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalendar sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.  
Kerugian atau kerosakan, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung sedemikian atau kerugian turutan yang dirujuk dalam A, B, C atau D di atas, adalah dikecualikan tidak mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Selainnya tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian Sijil ini.

#### **PENGENDORSAN NILAI DIPERSETUJUI UNTUK OBJEK SENI/LUKISAN, ANTIK DAN BARANGAN SEPERTINYA**

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui di sini bahawa sekiranya butiran harta yang dilindungi yang dinyatakan di bawah hilang, binasa atau rosak sama sekali oleh mana-mana peril yang dilindungi, liability pihak Pengendali Takaful hendaklah tidak melebihi nilai yang dipersetujui yang dinyatakan bersepadan di dalam Jadual berikut:

**Harta yang Dilindungi**  
Seperti yang dinyatakan di dalam Jadual

**Harta yang Dilindungi**  
Seperti yang dinyatakan di dalam Jadual

Walau apapun yang terkandung di dalam Sijil ini yang bertentangan, mana-mana butiran yang dilindungi mengandungi barangan berpasangan atau set, Pengendali Takaful tidak akan bertanggung jawab untuk membayar lebih daripada nilai perkadaran setimpal mana-mana bahagian tertentu yang mungkin hilang, tanpa mengambil kira mana-mana nilai khas yang barangan tersebut mungkin ada sebagai sebahagian daripada pasangan atau set tersebut.

Selainnya tertakluk kepada terma pengecualian dan syarat Sijil ini.

### **PENGENDORSAN NO. 10**

**(Digunakan Dalam Peluasan Sijil untuk Melindungi Pembetulan, Pembaik-pulih dan Penambahan (Tetapi Bukannya untuk Kenaikan Nilai Akibat Lebihan Jumlah Dilindungi)**

Sebagai balasan bagi sumbangan tambahan oleh Peserta kepada Pengendali Takaful, takaful ini diperluaskan bagi melindungi pembetulan, pembaik pulih dan penambahan (tetapi bukannya untuk kenaikan nilai akibat lebihan Jumlah Dilindungi) kepada Bangunan bagi jumlah tidak melebihi 25% ke atas Jumlah Keseluruhan Yang Dilindungi ke atas Bangunan. Bagi maksud Pengendorsan ini, proviso 2(i)(c) Seksyen IIB Sijil ini adalah dipotong.

### **PENGENDORSAN NO. 2**

**(Digunakan bersama sempena Pengendorsan No. 1 Apabila Sijil Diperluaskan untuk Melindungi Barangan Isi Rumah dan Kelengkapan Tuan Tanah Di Rumah Pangsa Blok)**

Apabila Peserta telah memberitahu Pengendali Takaful bahawa Rumah Pangsa yang dinyatakan di sini akan disewakan dengan perabot separa lengkap dan telah mengisytiharkan bahawa jumlah yang dinyatakan di sini tidak kurang daripada nilai penuh barangan isi rumah dan perabot yang terkandung di sini yang dipunyai oleh Peserta.

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sebagai balasan bagi sumbangan tambahan, ganti rugi yang dibenarkan di bawah Sijil ini hendaklah bermaksud kerugian atau kerosakan oleh mana-mana peril yang dinamakan di dalam Sijil ini yang mana setelah dipinda diperluaskan untuk diterima pakai terhadap barangan isi rumah dan perlengkapan perabot semasa berada di dalam Rumah Pangsa persendirian bagi jumlah tidak melebihi had liabiliti yang dinyatakan di dalam Jadual keseluruhannya hendaklah diterima pakai secara perkadaran yang seimbang terhadap setiap Rumah Pangsa Persendirian kecuali yang dinyatakan bertentangan di sini. Bagi maksud Seksyen IIIA - Takaful Sewa, jumlah di atas hendaklah dianggap telah ditambah kepada Keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas bangunan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

Dengan syarat bahawa:

(1) Takaful ini tidak diterima pakai kepada:

- (a) segala jenis barangan isi rumah, perabot dan barangan persendirian yang dibawa ke dalam rumah pangsa persendirian oleh penyewa
- (b) barangan emas dan perak

(2) Bagi maksud Pengendorsan ini dan bukan sebaliknya, Peril di bawah Sijil ini hendaklah dianggap seperti di bawah:

#### **"KONTIGENSI YANG BERKAITAN DENGAN BARANGAN ISI RUMAH DAN PERABOT"**

Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana peril yang disebut di bawah terhadap barang isi rumah dan perabot yang dinyatakan:

1. KEBAKARAN, KILAT, PETIR, KEBAKARAN BAWAH TANAH;
2. LETUPAN
3. PESAWAT UDARA dan peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya
4. HENTAMAN dengan mana-mana bangunan oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau bukan di bawah kawalan
  - a) Peserta atau ejen atau orang gajinya
  - b) mana-mana orang yang mendiami Rumah Pangsa persendirian atau ejen atau orang gajinya
5. PECAHNYA ATAU MELIMPAHNYA TANGKI, PERALATAN ATAU PAIP AIR RUMAH tidak termasuk:
  - a) yang berhubung dengan setiap satu kerugian yang amaunnya dinyatakan dalam Jadual
  - b) kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika Rumah Kediaman Persendirian tersebut tidak dihuni.
6. KECURIAN tetapi jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaannya dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar.
7. HURIKAN, SIKLON TAUFAN, RIBUT ANGIN
8. GEMPA BUMI, LETUSAN GUNUNG BERAPI
9. BANJIR (termasuk limpahan air laut)

Selanjutnya diisytiharkan dan dipersetujui bahawa:

- (i) bagi maksud Pengendorsan ini tetapi bukan sebaliknya, Pengecualian Am 4 adalah dipotong
- (ii) perkataan "atau di dalam barangan isi rumah dan perabot Tuan Tanah di situ adalah dianggap telah ditambah kepada perenggan pertama Seksyen IIB - Liabiliti terhadap Awam selepas perkataan "lekap dan lengkapan tuan tanah"

Selainnya tertakluk kepada Syarat dan Terma Sijil ini.

### **PENGENDORSAN NO. 3**

**(Digunakan Untuk Menambah Had Gantirugi Di bawah Seksyen IIIA Sijil)**

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sebagai balasan bagi bayaran permium tambahan, had bagi jumlah Liabiliti Pengendali Takaful di bawah Seksyen IIIA ditambah kepada ..... ( ) peratus seperti yang dinyatakan dalam Jadual peratus dari Keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas Bangunan dan/atau Kandungan.

#### PENGENDORSAN NO. 4

(Digunakan Bersama Sijil yang Berkaitan dengan Seksyen IIID Apabila Sijil yang Dikeluarkan kepada Peserta Korporat dan Spesifik Orang atau Perseorangan yang Dilantik Sahaja)

##### A. Apabila Seseorang itu Dilantik:

"MEMO:- Pampasan bagi Kematian Peserta. Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa bagi maksud Takaful di bawah Seksyen IID Sijil ini, penama di bawah hendaklah dengan sendirinya dianggap dilindungi dari kecederaan maut seperti yang diperuntukan".

\_\_\_\_\_  
(Nama)

\_\_\_\_\_  
(Nama)

##### B. Apabila Lebih Daripada Seorang Dilantik

"MEMO:- Pampasan bagi Kematian Peserta. Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa bagi maksud Takaful di bawah Seksyen IID Sijil ini, penama-penama di bawah hendaklah dianggap dilindungi dari kecederaan maut seperti yang diperuntukan, setiapnya bagi jumlah tidak melebihi \*..... daripada pampasan yang dibayar di bawah Seksyen tersebut".

\_\_\_\_\_  
(Nama)

\_\_\_\_\_  
(Nama)

\* Masukkan di sini bahagian mengikut bilangan orang yang dianggap dilindungi di bawah Seksyen ini."

#### PENGENDORSAN NO. 5

(Digunakan untuk Peluasan Sijil yang Membenarkan Peluasan Perlindungan Kecurian)

##### (i) PENGENDORSAN NO. 5A

(Digunakan untuk Peluasan Sijil yang Membenarkan Perlindungan Kecurian (Tidak Termasuk Kecurian oleh Orang Gaji atau Mana-Mana Ahli Keluarga Peserta atau Isi Rumah)

"MEMO:- Walau apapun yang dinyatakan bertentangan, selanjutnya diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sebagai balasan bagi sumbangan tambahan, Peril 6 Sijil ini dipinda seperti berikut:

**KECURIAN** atau apa-apa percubaan **TIDAK TERMASUK**:

1. (a) kecurian semasa Bangunan atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewa atau disewa semula  
(b) kecurian dari mana-mana bangunan luaran yang bukan secara langsung bersambungan dengan rumah kediaman persendirian atau rumah pangsa persendirian  
(c) kecurian harta orang gaji selain daripada rumah kediaman persendirian atau rumah pangsa persendirian

**KECUALI** disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.

2. Kecurian dari tempat terbuka.
3. 1% yang pertama daripada keseluruhan jumlah yang dilindungi, atau RM250.00 yang mana lebih rendah.
4. Kehilangan atau kerosakan ke atas kandungan yang disebabkan kecurian oleh orang gaji Peserta atau mana-mana ahli keluarga Peserta atau isi rumah.

DENGAN SYARAT bahawa sekiranya Kediaman Persendirian ditinggalkan tanpa penghuni di dalamnya selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu Tempoh Takaful, takaful terhadap Kecurian ini hendaklah diberhentikan sementara bagi mana-mana tempoh Kediaman Persendirian tersebut yang mungkin tidak dihuni melebihi sembilan puluh (90) hari yang dinyatakan di atas melainkan jika dipersetujui melalui Pengendorsan.

Pengendorsan yang berkaitan dengan harta yang dialihkan sementara, Takaful terhadap Kecurian hendaklah diterima pakai hanya:

- (i) di mana-mana Bank, Peti Simpanan atau kediaman persendirian yang dihuni;
- (ii) dalam mana-mana bangunan di mana Peserta atau mana-mana ahli keluarganya yang mendiami;
- (iii) dalam peringkat pengalihan ke atau dari mana-mana Bank atau Peti Simpanan semasa di dalam tanggungan Peserta, seorang ahli keluarganya atau orang gaji yang dibenarkan.

Dalam semua kes yang lain, Takaful ini dihadkan kepada Kecurian yang disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.

Selainnya tertakluk kepada Syarat Sijil ini.

(ii) **PENGENDORSAN NO. 5B digabungkan untuk dibaca sebagai:**

**PENGENDORSAN NO. 5B**

**(Digunakan untuk Peluasan Sijil yang Membenarkan Perlindungan Kecurian (Termasuk Kecurian oleh Orang Gaji atau Mana-Mana Ahli Keluarga Peserta atau Isi Rumah)**

"MEMO:- Walau apapun yang dinyatakan bertentangan, selanjutnya diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sebagai balasan bagi sumbangan tambahan, Peril 6 Sijil ini dipinda seperti berikut:

**KECURIAN** atau apa-apa percubaan **TIDAK TERMASUK:**

1. (a) kecurian semasa Bangunan atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewa atau disewa semula
- (b) kecurian dari mana-mana bangunan luaran yang bukan secara langsung bersambungan dengan rumah kediaman persendirian atau rumah pangsa persendirian
- (c) kecurian harta orang gaji selain daripada rumah kediaman persendirian atau rumah pangsa persendirian

**KECUALI** disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.

2. Kecurian dari tempat terbuka.
3. 1% yang pertama daripada keseluruhan jumlah yang dilindungi, atau RM250.00 yang mana lebih rendah.

DENGAN SYARAT bahawa sekiranya Kediaman Persendirian ditinggalkan tanpa penghuni di dalamnya selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu Tempoh Takaful, takaful terhadap Kecurian ini hendaklah diberhentikan sementara bagi mana-mana tempoh Kediaman Persendirian tersebut yang mungkin tidak dihuni melebihi sembilan puluh (90) hari yang dinyatakan di atas melainkan jika dipersetujui melalui Pengendorsan.

Pengendorsan yang berkaitan dengan harta yang dialihkan sementara, Takaful terhadap Kecurian hendaklah diterima pakai hanya:

- (i) di mana-mana Bank, Peti Simpanan atau kediaman persendirian yang dihuni;
- (ii) dalam mana-mana bangunan di mana Peserta atau mana-mana ahli keluarganya yang mendiami;
- (iii) dalam peringkat pengalihan ke atau dari mana-mana Bank atau Peti Simpanan semasa di dalam tanggungan Peserta, seorang ahli keluarganya atau orang gaji yang dibenarkan.

Tertakluk kepada Seksyen II – KANDUNGAN yang terdahulu, Sijil ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan ke atas kandungan akibat kecurian oleh orang gaji Peserta.

Dalam semua kes yang lain, Takaful ini dihadkan kepada Kecurian yang disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah bangunan.

Selainnya tertakluk kepada Syarat Sijil ini.

**PENGENDORSAN NO. 6**

**(Digunakan untuk Menyediakan Penambahan Had Gantirugi Di bawah Seksyen IIB Sijil)**

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sebagai balasan bagi bayaran permium tambahan, had bagi jumlah Liabiliti Pengendali Takaful di bawah Seksyen IIB ditambah kepada had liabiliti yang dinyatakan di dalam Jadual.

**PENGENDORSAN NO. 7**

**(Digunakan untuk Peluasan Sijil Termasuk Takaful Kepingan Kaca)**

Pengendorsan yang memperluaskan Takaful di bawah Sijil No. .... di atas nama ..... dan diisytiharkan membentuk sebahagian daripada seperti tertulis dan tercetak di atasnya.

Sebagai balasan bagi sumbangan tambahan oleh Peserta kepada Pengendali Takaful, Takaful ini diperluaskan bagi melindungi kerosakan tidak sengaja kepada kepingan kaca yang dilengkapkan kepada struktur bangunan tertakluk kepada terma, pengecualian, had dan syarat yang terkandung di sini.

Jika, semasa berkuatkuasanya Tempoh Takaful ini, mana-mana kepingan kaca yang dilengkapkan kepada struktur bangunan secara tidak sengaja dirosakkan, Pengendali Takaful akan:

1. mengganti kaca yang pecah tersebut dengan kaca yang sama buatan atau kualiti atau mengikut pilihan Pengendali Takaful untuk membayar Peserta, jumlah yang setimpal dengan kos penggantian tertakluk kepada jumlah maksimum RM1,000.00 bagi sekeping kaca.
2. membayar kos yang sepatutnya ditanggung untuk menutupi lubang yang disebabkan oleh pecahan tersebut yang Pengendali Takaful bertanggungjawab ke atasnya.

**PENGEUALIAN:**

Takaful ini tidak melindungi:

- (a) pecah atau kerosakan terhadap apa-apa jenis bingkai atau rangka bingkai

- (b) kos bagi mengalih atau mengganti apa-apa lekapan atau lengkapan
- (c) gelas pecah di rumah kaca, rumah hijau atau bangunan luar
- (d) pemecahan gelas yang pecah atau rosak semasa bermulanya Takaful ini
- (e) mana-mana kerugian turutan

Selainnya tertakluk kepada terma Sijil ini.

#### **PENGENDORSAN NO. 8**

##### **(Digunakan untuk Peluasan Sijil Termasuk Kerosakan Akibat Rusuhan, Mogok dan Niat Jahat)**

Pengendorsan yang memperluaskan Takaful di bawah Sijil No. .... di atas nama ..... dan diisytiharkan membentuk sebahagian daripada seperti tertulis dan tercetak di atasnya.

Sebagai balasan bagi sumbangan tambahan oleh Peserta kepada Pengendali Takaful, adalah dipersetujui dan diisytiharkan bahawa walau apapun yang dinyatakan bertentangan dengan mana-mana yang tertulis di bawah \* Sijil ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi Kerosakan Rusuhan dan Mogok, yang bagi tujuan Pengendorsan ini, hendaklah bermaksud (tertakluk kepada Syarat Khas yang terkandung selepas ini):

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang dilindungi\*\* yang disebabkan secara langsung oleh:

1. Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan atau tidak dengan mogok atau sekat-masuk) yang bukan kejadian seperti yang dinyatakan di dalam Syarat 6 di bawah Syarat Khas yang tersebut di sini.
2. Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang mana-mana kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut.
3. Perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk.
4. Perbuatan mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba untuk menghalang apa-apa tindakan sedemikian atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

Selanjutnya diisytiharkan bahawa walau apapun yang dinyatakan bertentangan dengan apa-apa yang terkandung di dalam Sijil secara bertulis, takaful di bawah Sijil ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi Kerosakan Niat Jahat yang bagi tujuan perluasan takaful ini adalah bermaksud:

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang dilindungi yang diakibatkan secara langsung oleh perbuatan Niat Jahat mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa berlakunya kekacauan terhadap ketenteraman awam ataupun tidak) sama ada perbuatan sedemikian tidak bermaksud atau mempunyai kaitan dengan kekacauan yang disebutkan di dalam Pengecualian Am 1 Pengendorsan tetapi Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan takaful ini bagi kerugian atau kerosakan oleh kebakaran atau letupan mahupun kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada pecah masuk, pecah rumah, kecurian, larseni atau ancaman daripada mana-mana orang yang mengambil bahagian.

Dengan syarat bahawa semua Syarat Sijil (melainkan sejauh mana ianya mungkin dinyatakan berbeza) hendaklah diterima pakai sebagaimana ianya telah dimasukkan di sini.

**Nota:** Sekiranya butiran tertentu sahaja yang dilindungi ke atas Rusuhan, Mogok, masukkan perkataan "butiran ....." dan "butiran yang dirujuk terdahulu daripada ini dan bukannya yang lain" pada \* dan \*\* seterusnya.

#### **SYARAT KHAS**

Bagi tujuan Pengendorsan ini dan bukan sebaliknya, nombor masing-masing bagi Pengecualian Am dan Syarat dalam Sijil ini hendaklah digantikan seperti yang berikut:

#### **PENGECUALIAN AM 1**

Takaful ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut iaitu:

- (a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
- (b) dahagi, kekacauan awam yang menghampiri atau mencecah tahap kebangkitan awam, kebangkitan ketenteraan, insurreksi, pemberontakan, revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa.
- (c) sebarang tindakan keganasan:  
Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila Pengendali Takaful mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan dalam Syarat ini, apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh takaful ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Peserta.



## PENGECUALIAN AM 2

Takaful ini tidak melindungi :

- (a) kerugian pendapatan, kerugian akibat kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain kerugian atau kerosakan secara turutan atau dalam apa jua jenis/perihal sekalipun.
- (b) Kerugian atau kerosakan berpunca daripada pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian atau memperlambatkan atau gangguan atau pemberhentian mana-mana proses atau operasi.
- (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.
- (d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana bangunan yang berpunca daripada pendudukan secara tidak sah oleh mana-mana orang ke atas bangunan tersebut.

**DENGAN SYARAT** walaubagaimanapun, liabiliti Pengendali Takaful terhadap Pihak Dilindungi tidak dilepaskan di bawah perkara (c) atau (d) di atas terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang dilindungi yang berlaku sebelum kehilangan atau semasa kehilangan sementara.

## SYARAT 6

Jika harta yang dilindungi, pada ketika berlakunya kebakaran atau semasa bermulanya apa-apa kemusnahan atau kerosakan ke atas harta tersebut oleh mana-mana peril lain yang dilindungi di bawah Pengendangan ini secara kolektifnya mempunyai nilai yang lebih besar daripada Jumlah yang Dilindungi ke atasnya, maka Pihak Dilindungi hendaklah dianggap sebagai Pengendali Takafulnya sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian setimpal bagi jumlah kerugian yang sewajarnya. Setiap butiran, jika lebih daripada satu, ke atas Sijil hendaklah tertakluk secara berasingan kepada Syarat ini.

## SYARAT 12

Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh Pengendali Takaful dengan menyerahkan notis kepada Peserta, di mana Pengendali Takaful hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik sumbangan secara perkadaran setimpal bagi tempoh yang masih belum tamat dari tarikh pembatalan. Sekiranya Takaful ditamatkan atas permintaan Peserta, Pengendali Takaful tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar balik sumbangan atau mana-mana bahagiannya.

**DENGAN SYARAT** bahawa ianya dengan jelas dipersetujui dan diisytiharkan bahawa:

1. Kesemua Syarat Sijil ini hendaklah diterima pakai dari segala segi ke atas Takaful yang diberikan di bawah perluasan ini kecuali yang dinyatakan jelas berbeza oleh Syarat khas yang tersebut di atas dan mana-mana rujukan mengenai kebakaran dalam Syarat Sijil ini hendaklah dianggap sebagai meliputi peril yang dilindungi di sini.
2. Syarat khas di sini hendaklah diguna pakai hanya kepada takaful yang diberikan di bawah perluasan ini dan Syarat Sijil hendaklah diterima pakai dari segala segi terhadap takaful yang diberikan oleh Sijil ini seolah-olah Pengendangan ini tidak dibuat ke atasnya.

*Nota: \*\* E008 – digunakan oleh Sijil Empunya Rumah/Isi Rumah Mayban General Assurance Berhad.*

Sebagai balasan bagi sumbangan tambahan oleh Peserta kepada Pengendali Takaful, adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa perkataan "atau kepada cerobong asap logam, bidai kajang, papan tanda dan lekapan atau lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar" di bawah Pengecualian Am 4(a) Sijil ini adalah dipotong.

## PENGENDORSAN PAJAKAN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa pemberi pajak adalah empunya harta yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual dan harta tersebut adalah subjek kepada Perjanjian Pemajakan yang dibuat di antara pemberi pajak sebagai satu pihak dan Peserta sebagai pihak yang lain dan seterusnya difahami dan dipersetujui bahawa pemberi pajak mempunyai kepentingan dalam apa-apa wang yang jika tidak kerana Pengendangan ini mungkin boleh dibayar kepada Pihak Dilindungi di bawah Sijil ini yang berhubung dengan kerugian dan kerosakan ke atas harta (yang kerugian atau kerosakan tidak dipulihkan dengan cara membaiki, membaiki semula atau penggantian di bawah terma Sijil ini) dan wang tersebut hendaklah dibayar kepada pemberi pajak selama mana mereka adalah empunya harta tersebut dan penerimaan mereka hendaklah menjadi pelepasan penuh dan muktamad kepada Pengendali Takaful berkaitan dengan kerugian atau kerosakan sedemikian. Dengan adanya Pengendangan ini yang dipersetujui dengan jelas tidak ada apa-apa di sini akan merubah atau memberi kesan ke atas hak dan liabiliti Peserta atau Pengendali Takaful masing-masing di bawah atau yang berkaitan dengan Sijil ini.

## Fasal Tidak Boleh Batal

Seterusnya dipersetujui bahawa pembatalan Sijil tidak boleh dilaksanakan oleh Pihak Dilindungi kecuali dimaklumkan terlebih dahulu kepada pemberi pajak secara bertulis dengan memberi notis empat belas (14) hari ke alamat yang terakhir diketahui.

## PENGENDORSAN SEWA BELI

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa Syarikat Sewa Beli seperti yang dinyatakan di dalam Jadual adalah empunya harta yang dilindungi pada butiran seperti yang dinyatakan di dalam Jadual dan harta tersebut tertakluk kepada Perjanjian Sewa Beli yang dibuat di antara Empunya bagi satu pihak dan Peserta sebagai pihak yang lain. Seterusnya difahami dan dipersetujui bahawa apa-apa pembayaran yang dibuat berkaitan dengan kerugian atau kerosakan (kerugian atau kerosakan yang tidak dibaik pulih melalui membaiki semula atau penggantian) di bawah terma Sijil ini hendaklah dibuat kepada Empunya selama mana mereka adalah empunya harta tersebut dan penerimaan mereka hendaklah menjadi pelepasan penuh dan muktamad Pengendali Takaful berhubung dengan kerugian atau kerosakan tersebut.

Adalah difahami dan dipersetujui walau apa pun peruntukan di dalam Perjanjian Sewa Beli yang bertalian daripada Sijil yang dikeluarkan kepada Peserta yang bernama \*\*\* sebagai Pihak Prinsipal dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah untuk empunya dan tidak ditafsirkan sebagai meliputi Peserta sebagai ejen atau pemegang amanah untuk Empunya atau penyerah-hak (sama ada di sisi undang-undang atau kesaksamaan) oleh Peserta kepada Empunya hak, kepentingan dan tuntutan di bawah Sijil ini.

Akhirnya difahami dan dipersetujui bahawa Peserta tidak akan menyerahkan haknya ke atas pampasan dan tuntutan di bawah Sijil ini tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Pengendali Takaful.

#### **Fasal Tidak Boleh Batal**

Seterusnya dipersetujui bahawa pembatalan Sijil tidak boleh dilaksanakan oleh Peserta kecuali dimaklumkan terlebih dahulu kepada Empunya/Pemilik secara bertulis dengan memberi notis empat belas (14) hari ke alamat terakhir Empunya/Pemilik yang diketahui.

#### **PRNGALIHAN DEBRIS**

##### **(Dengan Jumlah Dilindungi yang Berasingan)**

Takaful mengikut perkara di atas adalah berkaitan dengan kos dan perbelanjaan sepatutnya tertanggung oleh Peserta dengan kebenaran Pengendali Takaful ke atas:

- (a) pengalihan debris
- (b) menanggal dan/atau meroboh
- (c) menyokong atau mengampu

pada bahagian harta yang dilindungi oleh Sijil ini musnah atau rosak disebabkan oleh kebakaran atau peril lain yang dilindungi. (Butiran (b) dan (c) di atas adalah dianggap terpotong apabila Bangunan atau mesin dilindungi).

Pengendali Takaful tidak akan membayar apa-apa kos atau perbelanjaan yang:

- (i) tertanggung dalam pengalihan debris kecuali daripada tapak harta itu musnah atau rosak dan kawasan bersebelahan dengan tapak tersebut.
- (ii) timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta yang tidak dilindungi oleh Sijil ini.

#### **PRNGALIHAN DEBRIS**

##### **(Tanpa Jumlah Dilindungi yang Berasingan)**

Takaful untuk Butiran No.....dengan ini dilindungi termasuk kos dan perbelanjaan sepatutnya tertanggung oleh Peserta dengan kebenaran Pengendali Takaful ke atas:

- (a) pengalihan debris
- (b) menanggal dan/atau meroboh
- (c) menyokong atau mengampu

pada bahagian harta yang dilindungi oleh Sijil ini musnah atau rosak disebabkan oleh kebakaran atau peril lain yang dilindungi. (Butiran (b) dan (c) di atas adalah dianggap terpotong apabila Bangunan atau mesin dilindungi).

Amaun yang perlu dibayar untuk kos dan perbelanjaan tidak boleh melebihi 10% daripada Jumlah Dilindungi untuk setiap Butiran atau secara agregat Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) bagi mana-mana satu kerugian, mengikut yang mana lebih rendah.

Pengendali Takaful tidak akan membayar apa-apa kos atau perbelanjaan yang:

- (i) tertanggung dalam pengalihan debris kecuali daripada tapak harta itu musnah atau rosak dan kawasan bersebelahan dengan tapak tersebut.
- (ii) timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta yang tidak dilindungi oleh Sijil ini.

#### **WARANTI LARANGAN BARANG NIAGA**

Diwarantikan bahawa semasa berkuatkuasanya Sijil ini, tidak ada mana-mana bahagian premis yang dinyatakan di dalam Sijil ini digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang niaga.

#### **WARANTI SUMBANGAN**

Adalah menjadi keperluan dan syarat khas mutlak Kontrak Takaful ini bahawa sumbangan yang perlu dibayar mesti dijelaskan dan diterima oleh Pengendali Takaful dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya Sijil / Endorsemen / Sijil Pembaharuan ini.

Jika Syarat ini tidak dipatuhi maka Kontrak ini secara automatik adalah terbatal dan Pengendali Takaful berhak ke atas sumbangan pro rata sepanjang tempoh mereka menanggung risiko.

Apabila sumbangan yang perlu dibayar mengikut Waranti ini diterima oleh ejen Pengendali Takaful yang diberi kuasa, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai telah diterima oleh Pengendali Takaful bagi maksud Waranti ini dan beban membuktikan bahawa sumbangan yang perlu dibayar itu telah diterima oleh seseorang, termasuklah ejen takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima sumbangan tersebut terletak pada Pengendali Takaful.

Selainnya tertakluk kepada terma pengecualian dan syarat Sijil ini.

#### **PEMBERITAHUAN**

Sekiranya terdapat konflik atau kekeliruan dalam peruntukan mana-mana bahagian Kontrak Bahasa Melayu, adalah dipersetujui bahawa Kontrak Bahasa Inggeris akan digunakan".

## Notis Penting

Biro Pengantaraan Kewangan (FMB) dan Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) BNM memberikan peluang kepada ahli di kalangan orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

### **PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA FMB**

Mana-mana Peserta yang tidak berpuas hati dengan keputusan pihak pengurusan kanan sesebuah Pengendali Takaful boleh menulis kepada Pengantara Divisyen Takaful di Biro Pengantara Kewangan (FMB), dengan memberikan butiran tentang perselisihan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil.

Salinan surat-menyurat antara Peserta dengan Pengendali Takaful boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Jika Pengantara membuat cadangan pampasan terhadap Pengendali Takaful dikehendaki memberitahu Pengantara sama ada dia menerima cadangan tersebut, dalam tempoh empat belas (14) hari, agar Pengendali Takaful boleh diberitahu tentang keputusan Peserta.

FMB tidak menjalankan prosedur rayuan. Jika Peserta tidak mahu menerima pampasan tersebut, dia boleh menolak keputusan Pengantara dan bebas memulakan prosiding Mahkamah terhadap Pengendali Takaful atau merujuk kepada Penimbangtara.

FMB tidak bertanggungjawab untuk menguruskan pembayaran berikutan keputusan Pengantara. Pengendali Takaful apabila dimaklumkan tentang penerimaan pampasan tersebut, hendaklah membayar jumlah tersebut terus kepada pihak yang menuntut dalam masa tiga puluh (30) hari.

Pada masa ini, FMB tidak mengenakan apa-apa yuran atau bayaran bagi khidmat yang diberikan.

Alamat surat-menyurat adalah seperti yang berikut:

### **BIRO PENGANTARAAN KEWANGAN (FMB)**

Tingkat 25, No. 4  
Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur.  
Tel : 03 - 2272 2811  
Faks : 03 - 2274 5752  
Laman web : [www.fmb.org.my](http://www.fmb.org.my)

### **PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA CSB**

Mana-mana Peserta atau pihak menuntut yang tidak berpuas hati dengan pengendalian Pengendali Takaful boleh menulis kepada CSB dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyurat (jika ada) antara Peserta atau pihak menuntut dengan Pengendali Takaful juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Alamat surat-menyurat adalah seperti yang berikut:

**PENGARAH**  
**JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
Bank Negara Malaysia (BNM)  
Tingkat 14B, Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel : 03 – 2698 8044  
Faks : 03 – 2693 6919

## Usaha Kami Dalam Mengekalkan Tahap Perkhidmatan Yang Terbaik

Kami sedia melakukan apa jua bagi memastikan Anda menerima perkhidmatan yang terbaik dari Kami. Jika Anda dapati perkhidmatan kami kurang memuaskan, sila kemukakan pendapat Anda kepada Ketua Pusat Cadangan Kami yang akan memastikan cadangan Anda dilayani dengan secepat mungkin.

Alamat Kami:

Ketua Pusat Cadangan, Tingkat 4, Tower C, Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

T +603 2297 3888

F +603 2297 3800

E [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my)

W [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my)

Etiqa Oneline **1300 13 8888**